

Allah tegaskan Nabi bukan gila

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

SIRI KE-12

Firman Allah SWT yang bermaksud: Oleh itu, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul, Yang beredar, juga yang tetap pada tempatnya, Dan malam, apabila ia hampir habis, Dan siang, apabila ia mulai terang, Sebenarnya al-Quran itu, sungguh-sungguh Kalamullah (yang disampaikan oleh jibril) utusan Yang mulia, Yang kuat gagah, lagi berkedudukan tinggi di sisi Allah Yang mempunyai arasy, Yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai. Dan sebenarnya sahabat kamu (Nabi Muhammad) itu (wahai golongan yang menentang Islam), bukanlah ia seorang gila (seperti yang kamu tuduh). Dan (Nabi Muhammad yakin bahawa yang disampaikan kepadanya ialah wahyu dari tuhan, kerana) Demi sesungguhnya! Nabi Muhammad telah mengenal dan melihat Jibril di kaki langit yang nyata. Dan bukanlah Nabi Muhammad seorang yang boleh dituduh dan disangka buruk, terhadap penyampaiannya mengenai perkara-perkara yang ghaib. Dan sebenarnya al-Quran itu bukanlah perkataan syaitan yang kena rejam. (dengan yang demikian) maka ke manakah kamu hendak pergi (kiranya kamu masih menyeleweng dari jalan al-Quran)? Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi seluruh penduduk alam: Iaitu bagi sesiapa dari kamu yang mahu tetap teguh di atas jalan (Islam) yang betul. Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah, Tuhan Yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam. (al-Takwir: 15-29)

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

SETELAH Allah SWT menjelaskan keadaan hari kiamat berserta keadaan huru-harunya yang mana pada ketika itu manusia termangu-mangu melihat hasil perbuatan mereka ketika di dunia. Ketika itu cukup jelas kepada mereka amalan manakah yang diterima dan mana pula ditolak.

Lalu Allah SWT susuli dengan keterangan bahawa apa yang disampaikan oleh Rasulullah SAW kepada mereka tidak lain adalah al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT kepadanya dan ayat-ayat yang memberi petunjuk.

Segala celaan yang mereka tuduh kepadanya, sebagaimana mereka lontarkan bahawa Baginda seorang ahli sihir, gila, pendusta atau penyair hanyalah satu pendustaan semata-mata. Kedegilanmu dan kesepakatanmu

dalam memusuhinya hanyalah kebongkakanmu semata-mata. Padahal dihatimu menyedari kebenaran perkara ini ataupun kebaikan dakwahnya.

Firman Allah SWT: *Oleh itu, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul.*

Ibn Abi hatim dan Ibn Jarir meriwayatkan dari Ali: Sungguh aku bersumpah dengan bintang-bintang yang beredar dan terbenam. Iaitu bintang-bintang yang terbenam pada siang hari dan muncul pada malam hari.

Firman Allah SWT: *Yang beredar, juga yang tetap pada tempatnya.*

Dan Ibn Jarir tawaqquf (tidak memberikan pendapatnya) pada maksud firman-Nya. Apakah itu bintang-bintang atau kijang dan sapi liar. Dia mengatakan: Ada kemungkinan semua itu yang dimaksudkan.

Firman Allah SWT: *Dan malam, apabila ia hampir habis. Dan siang, apabila ia mulai terang.*

Mengenai hal ini terdapat dua pendapat:

Mujahid berkata: Malam telah menjadi gelap. Sedangkan Ali bin Abi Talhah dan al-Aufi meriwayatkan dari Ibn Abbas iaitu jika malam telah meninggalkan gelapnya. Demikianlah yang dikemukakan oleh Mujahid, Qatadah dan al-Dahhak.

Syed Qutb berkata: Sebagai satu kekayaan pengucapan yang mengocakkan perasaan di samping menggambarkan hakikat kejadian alam yang sebenar. Satu kekayaan pengucapan yang amat indah ditambah perasaan manusia yang menyambut fenomena alam itu dengan hati yang sedar dan peka.

Firman Allah SWT: *Sebenarnya al-Quran itu, sungguh-sungguh Kalamullah (yang disampaikan oleh Jibril) utusan yang mulia. Iaitu dalam bentuk yang sangat indah dan elok.*

Inilah pendapat Ibn Abbas, al-Sya'bi, Maimun bin Mihram, al-Hasan, Qatadah, al-Rabi bin Anas, al-Dahhak dan lain-lain.

Firman Allah SWT: *Yang kuat gagah, lagi berkedudukan tinggi di sisi Allah yang mempunyai Arasy. Yang ditaati di sana (dalam kalangan malaikat), lagi dipercayai.*

Ibn Kathir berkata: Di mana Allah sebagai Rabb telah menyucikan hamba dan utusan-Nya (Jibril a.s) dengan sifat amanah.

Firman Allah SWT: *Dan sebenarnya sahabat kamu (Nabi Muhammad) itu (Wahai golongan yang menentang Islam), bukanlah ia seorang gila (seperti yang kamu tuduh). Dan (Nabi Muhammad yakin bahawa yang disampaikan kepadanya ialah wahyu dari tuhan, kerana) Demi sesungguhnya! Nabi Muhammad telah mengenal dan melihat Jibril di kaki langit yang nyata.*

Ibn Kathir berkata: Nabi Muhammad SAW benar-benar melihat Jibril dalam penampilan aslinya yang mempunyai 600 sayap.

Firman Allah SWT: *Dan bukanlah*



MEMPELAJARI al-Quran dapat meningkatkan keyakinan kita terhadap kerasulan Nabi Muhammad SAW. - Gambar hiasan

Nabi Muhammad seorang yang boleh dituduh dan disangka buruk, terhadap penyampaiannya mengenai perkara-perkara yang ghaib.

Sufian bin Uyainah mengatakan bahawa kata zhaniin dan dhaniin adalah sama. Maksudnya tidaklah dia itu sebagai seorang pendusta atau seorang yang jahat.

Kata al-zhaniin bererti orang yang dituduh sedangkan al-dhaniin bermaksud orang yang kedekut.

Firman Allah SWT: *Dan sebenarnya al-Quran itu bukanlah perkataan syaitan yang kena rejam.*

Al-Maraghi berkata: Sebenarnya baginda telah dikenali sebagai orang yang sihat akalunya dan jujur menyampaikan berita-berita ghaib.

Oleh yang demikian, penceritaan yang berkaitan dengan alam akhirat seperti syurga dan neraka dan sebagainya bukan berasal daripada perkataan syaitan.

Firman Allah SWT: *(dengan yang demikian) maka ke manakah kamu hendak pergi (kiranya kamu masih menyeleweng daripada jalan al-Quran)? Al-Quran itu tidak lain hanyalah peringatan bagi seluruh penduduk alam.*

Syed Qutb berkata: Iaitu peringatan yang mengingatkan mereka tentang hakikat kewujudan, kejadian dan alam buana di sekeliling mereka.

Maksud peringatan kepada semesta alam ialah dakwah Islam merupakan dakwah global atau antarabangsa sejak peringkat perkembangannya yang pertama lagi sedangkan dakwah di Makkah sentiasa ditentang dan diburu sebagaimana dijelaskan oleh ayat-ayat al-Quran yang diturunkan di Mekah.

Firman Allah SWT: *Iaitu bagi sesiapa dari kamu yang mahu tetap teguh di atas jalan (Islam) yang betul.*

Al-Maraghi berkata: Untuk memperoleh hidayah itu bergantung kepada kehendak Allah SWT terhadap seseorang. Allah SWT mewajibkan kepada-Nya untuk mencari jalan kebenaran, serta bersungguh-sungguh

mengerjakan kebajikan mengikut kemampuan.

Firman Allah SWT: *Dari kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan seluruh alam.*

Syed Qutub berkata: Tujuan pernyataan ini supaya mereka jangan memahami bahawa kehendak dari kemahuan mereka adalah terpisah dari kehendak dan iradat Allah Yang Maha Agung yang menjadi pokok pangkal kepada segala perkara.

Pengurniaan kebebasan memilih dan kemudahan mencari jalan hidayah adalah berpokok pangkal daripada kehendak dan iradat Allah yang meliputi segala sesuatu yang telah dan akan berlaku.

Penutup

Hakikat agung ini perlu dijelaskan kepada kefahaman orang-orang mukmin supaya mereka dapat memahami hakikat yang sebenar. Ini supaya mereka mencari perlindungan pada kehendak dan iradat Allah SWT untuk memohon pertolongan dan taufik serta berpegang dengan-Nya dalam segala apa yang diambil dan ditinggalkan dalam perjalanan hidup mereka.

Inti sari surah ini ialah:

- Peristiwa huru-hara pada hari kiamat.
- Allah SWT bersumpah dengan bintang-bintang, malam dan subuh. Al-Quran itu diturunkan dari sisi-Nya melalui perantaraan malaikat Jibril a.s.
- Menetapkan kebenaran Nabi Muhammad SAW.
- Menjelaskan bahawa al-Quran itu mengandungi nasihat dan peringatan bagi orang yang inginkan hidayah dan mencurahkan kemahuannya untuk mengerjakan kebajikan.
- Kehendak hamba itu mengikut ketendak Allah SWT. Ia tidak bebas melakukan sesuatu.